PERPUSTAKAAN WAQAF ILMU NUSANTARA
waqafilmunusantara.com
admin@waqafilmunusantara.com

Perpustakaan Waqaf Ilmu Nusantara
Office: Centre for Policy Research and International Studies
(CenPRIS), Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia 11800
E-mail: secretariat.alamnusantara@gmail.com
admin@waqafilmunusantara.com
Visit us at: https://www.waqafilmunusantara.com

Title : Ceritera Langka Falsafah Perang di Nusantara

Author(s) : Muhammad Luqman bin Rosli

Institution : Universiti Kebangsaan Malaysia

Category : Article, Competition

Topic : History

CERITERA LANGKA FALSAFAH PERANG DI NUSANTARA

Oleh: Muhammad Luqman bin Rosli

Pelajar Tahun 1 Sains Politik, UKM.

Amatlah jarang dan begitu sedikit sekali, perihal peperangan lokal diperbincangkan di Nusantara baik secara ilmiah atau jalanan, inikan pula perbahasan akan perihal kefalsafahannya. Lain pula skripnya di Barat. Karya-karya falsafah perang bukan sahaja diamal dan dipraktikkan dalam peperangan sebenar, sebaliknya ianya diaplikasikan hampir ke segenap bidang dan semaksima mungkin seperti dalam bidang perniagaan, hubungan antarabangsa, pembentukan negara, kerangka strategik politik dan sebagainya. Tidak kurang juga, ada yang dijadikan sebagai 'inti' dalam budaya pop, misalnya pemetikan karya *On War* dalam babak klimaks filem *Law Abiding Citizen*, atau hasilan album oleh kumpulan Sabaton yang diinspirasikan daripada *The Art of War* nukilan Sun Tzu.

Soalnya, adakah falsafah-falsafah perang lokal tidak diperbincangkan di Nusantara disebabkan oleh ketidakwujudan subjek itu sendiri, atau sememangnya ianya sengaja dipinggirkan. Penulis yakin dan tidak dapat menafikan bahawa sememangnya tidak ada karya falsafah perang yang selengkap *Art of War* (Sun Tzu), *Art of War* (Machiavelli), *On War*, *Influence of Sea Power Upon History*, di kepulauan ini, namun wujud perca-perca kefalsafahan yang persis, terselit dalam karya-karya sejarah negeri di Nusantara. Adapun negeri dan kerajaan yang dimaksudkan oleh penulis tidak lain tidak bukan adalah kerajaan Kesultanan Kedah, yang pernah mentabir sebahagian besar utara Semenanjung Malaysia.

Kemakmuran kerajaan Kesultanan Negeri Kedah sememangnya sentiasa tidak disenangi oleh negeri-negeri jiran disekelilingnya. Negeri ini pernah subur dan kaya-kaya raya dengan projek perdagangan lada hitam, menjadikan Kedah sebagai pembekal utama kepada pedagang-pedangan Eropah. Kerajaan Acheh yang juga merupakan pengeksport utama lada hitam di rantau itu tampak kecewa, lantas pada tahun 1619, Sultan Iskandar Muda, Sultan Acheh menyerang Pulau Lada di Kedah, sambil membumi hanguskan kawasan tersebut (Mitrasing 2011: 200-203). Habis musnah

segala tanaman lada hitam di negeri Kedah, hanya kerana kerakusan jirannya yang mahu menguasai perdagangan rempah tersebut.

Adapun polemik politik Kedah-Acheh tidaklah natijahnya terhenti sahaja. Dicatatkan dalam *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, yakni diantara karya yang menjadi sumber utama pensejarahan Negeri Kedah, Sultan Acheh sekali lagi berkeinginan untuk 'melanggar' negeri Kedah. Nah, pada ketika inilah munculnya nasihat ala berfalsafah perang, yang lengguknya hampir setara dengan karya-karya falsafah perang yang lain, walaupun hanya beberapa rangka ayat. *At-Tarikh* mencatatkan:

"...Maka sembah Dato' Seraja Imam, "Ampun tuanku beribu2 ampun . Benar sangat saperti titah Shah Alam itu . Kita lawan-lah musoh yang hendak datang itu dengan sa-habis2 ikhtiar. Tetapi ada-lah isharat melawan musoh itu ada sa-ratus satu isharat . Yang satu ia-lah berperang dengan tiada takut akan hilang nyawa-nya. Yang sa-ratus itu ia-lah dengan kira bichara dan ikhtiar . Sa-kira-nya tiada juga binasa seteru itu maka sampai-lah kapada yang satu isharat ia-itu berperang hingga terbuang nyawa . Ampun tuanku , jikalau boleh lagi kita ikhtiarkan dengan jalan yang lain sa-lain daripada berperang itu terlebeh baik-lah daripada kita berperang kerana tiada terlebeh jahat patek2 sakalian membawa Shah Alam kapada pekerjaan perang , kerana banyak lagi yang dapat di-laku-kan sa-lain daripada pekerjaan perang itu , ia-itu saperti dengan ikhtiar atau dengan harta . Jika tiada dapat di-tolakkan dengan ikhtiar yang demikian itu , tatkala itu berperang-lah kita . Apakala terjadi peperangan tiada dapat lagi di-bicharakan dengan harta melainkan dengan nyawa juga.

"Dan lagi, di-dalam peperangan itu jangan-lah Shah Alam sendiri masuk masok berperang , melainkan patek2 sakalian-lah yang masok berperang. Jika tiada dapat patek2 sakalian mengerjakan-nya sendiri. Dalam pada itu jika dapat kita menolak seteru itu dengan tipu daya atau dengan harta atau dengan barang sa-suatu yang dapat menolak seteru itu maka itu-lah sa-baik2-nya. Dalam pada itu jika terjadi juga peperangan itu maka hendak-lah Shah Alam dan menteri2 hulubalang pahlawan sakalian jangan-lah melihat kekuasaan-nya dan senjata-nya dan berani-nya itu . Maka hendak-lah Shah Alam dan menteri hulubalang pahlawan sakalian mengharapkan kekuasaan Tuhan sa-mata2 kerana segala pekerjaan baik dan jahat itu terjadi dengan

kehendak Allah Subhanahu wa-Ta'ala juga. Kesudahan-nya , sama ada di-beri menang atau alah itu ada-lah dengan kehendak-Nya , ampun tuanku , demikian-lah hal-nya."

Maka titah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia,"Jikalau demikian apa ikhtiar nenda dan mamak2 sekalian ?" Maka kata Raja Menehara dan sembah segala menteri2, masing2 dengan pendapat-nya bagi membawa kebajikan kapada negeri dan kapada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Ada yang mengatakan bahawa alatan peperangan itu sa-kali2 tidak boleh di-alpakan. Maka sembah Dato' Seraja Imam, "Pada pendapat patek hamba ini, baik-lah kita chuba sambut kedatangan angkatan musoh itu dengan shukup isharat kehormatan saperti menyambut angkatan kedatang raja yang besar2 yang menziarah negeri ini , dan kita siapkan satu istana chukup dengan perhiasan , dan kita hiaskan kenaikan bagi menyambut-nya di laut dan kenaikan pada pehak darat . Dalam pada itu jika ia tiada mahu menerima kehormatan kita yang demikian itu , tiada-lah berguna lagi kita hendak hormatkan dia . Pada ketika itu baru-lah kita lawan berprang dengan-nya sa-bagai laki2; kita lawan-lah dia dengan sa-kuat2 walau pun habis nyawa sa-kali pun…"

(Muhammad Hassan 1968, Al- Tarikh Salasilah Negeri Kedah : 55-57)

Nasihat epik ini terbit langsung daripada mulut Dato' Seraja Imam tatkala para pembesar dan Sultan Sulaiman Shah II runsing setelah mendapat perkhabaran yang mengejutkan . Negeri Kedah gempar buat seketika . Pada 6 Rejab 1034 Hijrah (1625 M), datang Nakhoda Lamun membawa khabarkan kepada Raja Menehara bahawa Sultan Acheh, Sultan Iskandar Mahkota Alam yang mungkin sedang khayal dalam megalomania-nya tersendiri, sedang mempersiap-siagakan alatan dan kelengkapan berperang untuk menyerang Kedah (Muhammad Hassan 1968: 53-54). Raja Menehara kemudian berbincang dengan segala menteri Keempat dan Delapan untuk mempertahankan negeri Kedah secara habis-habisan daripada serangan Acheh. Dato' Seri Paduka Laksamana lantas mengarahkan para pembesar mempersiapkan angkatan laut dengan bersembunyi di celah-celah selat di Pulau Langkawi. Sekalian hulubalang, pahlawan malah rakyat dihimpunkan beserta dengan senjata-senjata perang. Sebahagian daripada mereka kemudian dihimpunkan di Bukit Kenalu dan sebahagian lagi di Pering (1968: 54-55).

Para Dato' pembesar, Raja Menehara dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong kemudian datang menghadap Sultan Sulaiman Shah II di balai penghadapan . Maka dikhabarkan kepada Baginda Sultan tentang hajat Sultan Acheh untuk menyerang Kedah sebelum seraya Sultan menitahkan untuk mempersiapkan segala dan sekalian hulubalang dan pahlawan dan melawan Acheh sehabis-habisnya (Muhammad Hassan 1968: 55). Dikemudian inilah, paculan nasihat Dato' Seraja Imam divokalkan.

Nasihat berbalut cadangan oleh Dato' Seraja Imam itu memperlihatkan akan dua isi utama,. Pertamanya, beliau memaklumkan kepada Sultan, terdapat 101 isyarat (adab) peperangan, iaitulah 100 daripada isyarat itu adalah berusaha dan berikhtiar dalam menghindarkan peperangan. Sekiranya kesemua seratus isyarat itu telah diikhtiarkan dan tidak berhasil, maka isyarat yang ke-101 itu adalah berperang sehingga ke titisan yang terakhir (Muhammad Hassan 1968: 55-56). Dato' Seraja Imam mencadangkan supaya, ketika ketibaan bala tentera Acheh dan Sultannya, sambutlah kedatangan mereka, dengan adat istiadat dan kebesaran, dengan membina istana lengkap dengan perhiasan, dengan kenaikan yang dihias sebesar-besarnya di laut dan juga di darat (1968: 57).

Isi kedua nasihat Dato' Seraja Imam pula adalah, Sultan Sulaiman Shah II wajiblah tidak ikut berperang bersama tenteranya. Tambah beliau, biarlah para hulubalang dan pahlawan sahaja yang berasak dengan musuh, sehinggalah tiada lagi daya mereka untuk berperang, maka Sultan sendirilah yang masuk berperang (Muhammad Hassan 1968: 56).

Apa yang menarik dan mengujakan penulis adalah pada nasihat peperangan yang diberikan oleh Dato' Seraja Imam kepada Sultan Kedah itu. Ini kerana, jika diperhatikan dan diteliti dengan baik, kedua-dua isi utama nasihat tersebut adalah sejajar dengan apa yang pernah atau akan dinukilkan oleh dua filsuf dan ahli teori ketenteraan yang maha hebat dan berpengaruh, iaitu yang pertamanya, Sun Tzu (544 SM-496 SM), yang terkenal dengan magnum opusnya iaitu *The Art of War*. Figura kedua pula adalah Carl von Clausewitz (1780 M-1831 M), tentera Prussia yang pernah menyertai Peperangan Napoleon (1803 M-1815 M), dan penulis kepada antara buku teori ketenteraan yang berpengaruh , iaitu *Vom Kriege* atau lebih dikenal sebagai *On War* .

Sun Tzu (2017: 33) dalam bukunya memperihalkan:

"… 6. Therefore the skillful leaders subdues the enemy's troop without even fighting; he captures the cities without laying siege to them; he overthrows their kingdom without lengthy operations in the field …"

Mafhum daripada apa yang ditulis oleh Sun Tzu disini adalah, setinggi-tinggi seni peperangan itu ialah dengan menewaskan musuh tanpa perlu berlawan atau bertarung, tanpa perlu mencabut sarung keris yang tersisip, atau tanpa perlu menembak keluar peluru bedil dari senapang. Bagi Sun Tzu, sememangnya cara terasional bagi memenangi sesuatu peperangan adalah dengan bertarung sesingkat yang boleh dan memenanginya semuktamad mungkin . Bagi peperangan yang dilihat berlanjutan dan tidak muktamad agakannya untuk menang, ianya perlulah dielakkan serta-merta (Handel 1991: 22).

Maka, adakah apa yang disarankan oleh Dato' Seraja Imam itu selari dengan apa yang diperkatakan oleh Sun Tzu? Dan apa pula hasilnya, yakni berjayakah dielakkan peperangan diantara Kedah dan Acheh?

Berbalik semula kepada *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, ketika sampainya Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dengan bala tenteranya di gigi sempadan negeri Kedah, baginda kemudian disambut dengan sepucuk surat daripada Sultan Sulaiman Shah II. Baginda Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam kemudiannya dibawa menaiki kenaikan yang dinamakan sebagai 'Tantayu Emas' sebelum masuk ke negeri Kedah (Muhammad Hassan 1968: 61) . Maka , baginda Sultan Acheh kemudiannya pula dibawa ke Istana Kota Siputeh , dengan diringi bunyian nobat dan nafiri yang digambarkan 'terlalu gemuroh bunyi-nya' (1968: 62) sebelum disambut oleh Sultan Sulaiman Shah II sendiri di balai penghadapan istana (1968: 63). Menurut Salmah Jan (2017: 12) terdapat tiga reaksi yang diberikan oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam iaitu :

1. Reaksi pertama

"… Pada ketika itu layu-lah hati Sultan Iskandar hendak meneruskan maksud-nya…"

(Muhammad Hassan 1968: 62)

2. Reaksi kedua

"…Maka Sultan Iskandar dengan segala hulubalang-nya sangat hairan serta malu yang amat sangat melihat menteri2 hulubalang pahlawan yang tertib lendit peratoran mereka di-balai penghadapan itu…"

(Muhammad Hassan 1968: 63)

3. Reaksi ketiga

"…Pada ketika itu luput-lah maksud di-hati Sultan Iskandar Mahkota Alam hendak mengambil negeri Kedah, serta Sultan Iskandar pun beraleh hati-nya kapada berkaseh2an dengan Sultan Sulaiman Shah seperti saudara-nya sendiri…"

(Muhammad Hassan 1968: 63)

Dengan terangkatnya niat Sultan Acheh daripada menyerang dan menakluk negeri Kedah, maka ternyatalah, apa yang dinasihatkan oleh Dato' Seraja Imam itu sememangnya berkesan. Tiada sebarang pertumpahan darah yang berlaku, melainkan Sultan Sulaiman Shah II dan para pembesarnya telah 'menawan dan memenangi' hati Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, yakni menewaskannya dengan jalan keotakan atau psikologi, menghilangkan kegilaannya untuk berperang. Dato' Seraja Imam sudah tentunya tahu, betapa mungkin tidak upayanya negeri Kedah untuk bertahan dan menyerang balas asakan daripada tentera Acheh , maka disebabkan itulah nasihat itu terbit dari mulutnya.

Keberkaitan kedua nasihat Dato' Seraja Imam pula adalah dengan idea yang diluahkan oleh Carl von Clausewitz dalam bukunya *On War*. Idea atau teori yang mempunyai kesamaan dengan nasihat Dato' Seraja Imam adalah mengenai tentang apa yang disebut sebagai pusat graviti (*center of gravity*) . Penulisan tentang pusat graviti ini disepahkan oleh Clausewitz didalam bukunya yang bermuka surat sebanyak lebih kurang 700

halaman itu . Dalam *On War* , Clausewitz (1989) membahasa-kamuskan pusat graviti sebagai :

"…where the mass is concentrated most densely. It presents the most effective target for a blow; furthermore, the heaviest blow is that struck by the center of gravity…"

"…Where there is cohesion, the analogy of the center of gravity can be applied…"

"…Our position, then, is that a theater of war, be it large or small, and the forces stationed there, no matter what their size, represent the sort of unity in which a single center of gravity can be identified. That is the place where the decision should be reached; a victory at that point is in its fullest sense identical with the defense of the theater of operations…"

"…A major battle in a theater of operations is a collision between two centers of gravity; the more forces we can concentrate in our center of gravity, the more certain and massive the effect will be…"

(Buku 7 , Bab ke-27)

Secara umumnya , apa yang cuba disampaikan oleh Clausewitz adalah, pusat graviti merupakan satu aspek yang cukup penting dalam sesuatu peperangan . Pusat graviti musuh patut dan perlu menjadi fokus dan sasaran utama dalam sesuatu peperangan jika suatu pihak itu ingin mengalahkan musuh mereka. Walaubagaimanapun , ramai sarjana dan pemimpin tentera agak bingung dan kurang memahami tentang pemaknaan pusat graviti yang dibawa oleh Clausewitz ini. Tidak kurang juga dengan kemunculan pendapat-pendapat yang begitu rencam, yang terbit daripada sarjana yang berlainan bidang, menyebabkan lahirnya pendefinisian yang pelbagai. Echevarria (2003: 108-109) dalam jurnalnya membawakan sebanyak mungkin pemaknaan tersendiri tentang teori pusat graviti Clausewitz , yang wujud dalam institusi ketenteraan Amerika Syarikat . Misalnya , Tentera Laut Amerika (*US Navy*), pusat graviti bagi mereka

didefinisikan sebagai *"something the enemy must have to continue military operations—a source of his strength, but not necessarily strong or a strength in itself. There can only be one center of gravity."* Bagi tentera darat Amerika Syarikat (*US Army*) pula, mereka melihat bahawa yang dimaksudkan denganpusat graviti itu adalah 'sumber kekuatan pihak lawan'.

Ahli teori kuasa udara, John Warden pula berpendapat, penyerangan terhadap pusat graviti musuh yang pelbagai secara serentak dapat memaksa pihak lawan ke dalam keadaan kelumpuhan strategik (*strategic paralysis*). Pendapat Warden dilihat sesuai dengan doktrin kebanyakan penyerangan udara, yang sememangnya mampu memusnahkan banyak sasaran pada satu-satu masa secara serentak. Bagi Andrew Krepinevich, ahli teori tindakan cegah pemberontakan (*counterinsurgency*), beliau menyatakan bahawa, pusat graviti bagi mencegah konflik-konflik semacam pemberontakan ini adalah dengan mengawal populasi dan rakyat negara yang terlibat tersebut (Echevarria II 2007: 178). Kaedah ini dapat dilihat keberkesanannya ketika ianya digunakan oleh tentera British dan tentera Malaya ketika mengekang serangan-serangan daripada pihak komunis ketika Darurat Malaya. Pihak British dan Malaya berusaha sebaik mungkin untuk mengelakkan daripada terpengaruhnya kaum Cina dengan ideologi komunis dengan mewujudkan kampung-kampung baharu (*new villages*), yang termaktub dalam Pelan Briggs (Mohd Zakaria Yadi 2004: 27 ; Hack 2009: 3-5) .

Kembali semula kepada Echevarria (2003: 111), beliau menyatakan bahawa apa yang disebut sebagai pusat graviti secara umumnya difahami sebagai suatu titik dimana daya graviti menumpu pada sesuatu objek, dan berat objek tersebut diseimbangkan pada titik itu. Memusnahkan dengan apa cara sekalipun titik tersebut, dapat menyahstabilkan objek tersebut dan keseimbangannya akan hilang. Menurut beliau lagi, apa sebenarnya yang cuba dimaksudkan oleh Clausewitz tentang pusat graviti , ianya bukanlah berkenaan perihal sumber kekuatan atau kelemahan musuh , tetapi merupakan satu titik fokus (*focal point*) (Echevarria 2003: 115).

Dalam Buku 8, Bab ke-4, Clausewitz (1989) menyatakan bahawa pusat graviti bagi setiap satu unit ketenteraan itu adalah berbeza. Pusat graviti bagi genius ketenteraan seperti Frederick The Great, Alexander , Gustavus Adolphus misalnya, adalah pada kekuatan dan keupayaan tentera mereka sendiri. Alexander the Great contohnya, beliau

mewarisi ketumbukan ketenteraan yang sudahpun masak dan mahir dengan hal ehwal peperangan, hasil daripada latihan dan asuhan ayahnya sendiri, Philip II. Kejayaan dalam menakluki hampir sebahagian dataran Bumi oleh Alexander amatlah bergantung kepada kekuatan tenteranya. Lain pula bagi sesetengah keadaan yang lain, kerana kemungkinan pusat gravitinya adalah ibu kota negerinya, kota pertahanan, pelabuhan pertahanan atau negara itu sendiri. Ianya mengingatkan kita pada ketika Napoleon Bonaparte berjaya menawan Moscow, walaupun Moscow merupakan antara bandar dan kota terpenting bagi kerajaan Rusia, namun hakikatnya kerajaan Rusia tidak tewas dan masih teguh berdiri. Ini menunjukkan bahawa, bandar Moscow bukanlah pusat graviti bagi kerajaan Rusia dan boleh jadi samada pusat gravitinya adalah bandar-bandar utama yang lain seperti bandar St. Petersburg atau pada kekuatan tentera Rusia itu sendiri.

Sekiranya kita cuba untuk mengaplikasikan teori pusat graviti Clausewitz pada unit ketenteraan negeri Kedah, yakni dalam suasana polemik politik dan perang Kedah-Acheh, maka Sultan Kedah sendirilah titik fokus atau pusat graviti yang dimaksudkan itu. Alasannya, dapat dilihat pada peristiwa akan datang yang berlaku di Negeri Kedah, tepatnya ketika berlakunya Perang Musuh Bisik (1767 M- 1842 M) diantara kerajaan Siam/Ligor dan Kedah. Dalam peperangan tersebut, walaupun Kedah telah kehilangan beberapa kota penting seperti Kota Kuala Kedah dan Kota Setar, namun hakikatnya kerajaan Kedah masih lagi ada dan wujud , kerana Sultan Kedah sendiri sebagai ‘tubuh’ kepada kerajaan masih hidup dan bersama rakyatnya dengan melarikan diri ke Pulau Pinang (Mohd Herman & Fareq Rizal 2016: 90-93) .

Dengan itu , maka logiklah dengan apa yang cuba dinasihatkan oleh Dato’ Seraja Imam kepada Sultan Kedah. Penyertaan Sultan ke dalam kancah peperangan, mampu merisikokan nyawa baginda sendiri. Dengan termusnahnya baginda sebagai ‘pusat graviti’, ianya secara tidak langsung akan memberikan *‘a decisive blow’* yang kuat kepada tentera Kedah. Dengan ‘hilangnya’ atau ‘tidak stabilnya’ pusat graviti bagi tentera Kedah itu, maka besar kemungkinannya untuk Kedah kalah dalam peperangan dengan Acheh tersebut , hanya sekiranya ianya terjadi . Ini tidak lagi ditambah dengan ‘hubungan emosional’ yang wujud diantara seorang Sultan dengan rakyatnya , yang sudah sebati dalam diri orang Melayu , yang dikatakan akan ada ‘amuk’ besar yang akan berlaku sekiranya diri tubuh Sultan itu diganggu.

Walaubagaimanapun, keberkaitan dan kesamaan yang wujud diantara apa yang diungkapkan oleh Dato' Seraja Imam dengan yang ditulis oleh Sun Tzu dan Clausewitz hanyalah pendapat dan andaian daripada penulis semata-mata. Bukanlah untuk dikatakan bahawa perlunya sesuatu perkara itu selari dengan teori Barat, atau falsafah bangsa yang lain, maka barulah perkara tersebut dilihat bernilai, sebaliknya ianya membuktikan bahawa setiap bangsa itu ada upaya dan kebolehan yang tersendiri. Nusantara yang lama dijajah, sering sahaja penduduk-penduduknya dimomokkan dengan ketidakupayaan untuk mencipta apa-apa, bahkan 'sebatang jarum'. Melalui pembacaan karya diatas, walaupun nasihat yang diberikan oleh Dato' Seraja Imam itu hanyalah cebisan sahaja kisahnya, tidak setebal dan selengkap seperti karya-karya falsafah perang yang lain, ia menunjukkan bahawa bangsa Nusantara juga ada upaya untuk berfikiran secara militaristik. Adapun masih tidak dapat dipastikan samada 101 isyarat perang itu sememangnya wujud sebagai panduan dan doktrin ketenteraan khas bagi Kesultanan Negeri Kedah, ataupun hanya cakap-cakap atau petua orang-orang dahulukala. Namun tidak mustahil untuk dikatakan bahawa, memang wujud falsafah dan teori perang tertentu yang diamalkan dalam pasukan tentera negeri Kedah itu sendiri , atau mungkin karya Sun Tzu itu sudah menjadi belekan harian bagi Dato' Seraja Imam .

RUJUKAN

Clausewitz, C. v. 1989. *On War.* Terj. Princeton: Princeton University Press.

Echevarria II, A. J. 2003. "Clausewtiz's Center of Gravity : It's Not What We Thought." *Naval War College Review* LVI (1): 108-123.

Echevarria II, A. J. 2007. *Clausewitz & Contemporary War.* Oxford: Oxford University Press.

Hack, Karl . 2009. "The Malayan Emergency as counter-insurgency paradigm." *Journal of Strategic Studies* 32 (3): 383-414.

Handel , M. I. 1991. "Sun Tzu and Clausewitz : The Art of War and On War Compared." *Professional Readings in Military Strategy* (2): 1-81.

Mitrasing, I. S. 2011. *The Age of Aceh and The Evolution of Kingship.* Tesis Dr Fal, Leiden: University of Leiden.

Mohd Herman Roslan & Fareq Rizal. 2016. *Gajah Putih di Bumi Geroda (Perang Melayu-Siam 1767-1842).* Kuantan: Geroda Merah Resources .

Mohd Zakaria Yadi. 2004. *Malaysian Emergencies - Anthropological Factors in the Success of Malaysia's Counterinsurgency.* Tesis Sarjana, California : Naval Postgraduate School.

Muhammad Hassan Bin Dato' Kerani Muhammad Arshad . 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .

Salmah Jan Noor Muhammad. 2017. "Kepimpinan Diplomatik Pemerintah Kerajaan Dalam Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah." *Jurnal Melayu* 16 (1): 1-18.

Sun Tzu. 2017. *The Art of War.* Terj. London: Arcturus Publishing Limited.